



TEKS UCAPAN

YS PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON

PENGARAH

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK**

SEMPENA

**MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN
BOMBA, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
(APC) TAHUN 2024, SIJIL PERKHIDMATAN 30 TAHUN DAN
SIJIL PERKHIDMATAN TERPUJI PBB
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK**

PADA

**JUMAAT / 25 APRIL 2025 BERSAMAAN
26 SYAWAL 1446H**

JAM

8.30 PAGI

TEMPAT

**DEWAN PREMIER DATO' SRI Ts. MOHAMMAD HAMDAN
JBPM NEGERI PERAK**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera...Salam Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia Berprestasi Tinggi Cepat dan
Mesra Salam Malaysia Madani

Yang berusaha saudara/saudari pengacara majlis,

Terima kasih kepada pembaca ayat suci Al-Quran kita,
**Penguasa Kanan Bomba II Md Taufik 'Asyarun bin
Haji Zainuddin** atas bacaan yang penuh penghayatan
sebentar tadi. Semoga ayat-ayat suci yang dibacakan
tadi memberi keberkatan dan limpahan rahmat
kepada majlis kita pada hari ini.

Yang Amat Setia Dato' Teknologist Nor Hisham bin Mohammad

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Penolong Pesuruhjaya Bomba Yusri bin Mohd Yusoff @ Hashim

Timbalan Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak

Penolong-Penolong Pengarah Bahagian

Ketua-Ketua Zon

Pegawai-Pegawai Kanan

Ketua-Ketua Balai

Penerima-Penerima Pingat Perkhidmatan Bomba, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024, Sijil Perkhidmatan 30 Tahun dan Sijil Perkhidmatan Terpuji Pegawai Bomba bantuan (PBB)

Rakan-Rakan Media Yang Dikasihi seterusnya

Tuan – Tuan dan Puan – Puan Sekalian

1. Pertamanya, marilah kita merafak puji-pujian dan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahuwa Taala di atas segala rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama berhimpun, bersua muka, pada pagi Jumaat yang penuh barakah ini, 25 April 2025 bersamaan 26 Syawal 1446H dalam **Majlis Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Bomba, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024, Sijil Perkhidmatan 30 Tahun dan Sijil Perkhidmatan Terpuji Pegawai Bomba Bantuan (PBB) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak** yang akan disempurnakan oleh Yang Amat Setia Dato' Teknologis Nor Hisham Bin Mohammad, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

2. Pada kesempatan ini saya mewakili seluruh warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak merakamkan sekalung ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Setia Dato' atas kesudian untuk hadir bagi menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Bomba, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Sijil Perkhidmatan 30 Tahun dan Sijil Perkhidmatan Terpuji Pegawai Bomba Bantuan (PBB) pada hari yang indah dan penuh makna ini walaupun dalam kesibukan tugas.

3. Sesungguhnya kehadiran Yang Amat Setia Dato' pada hari ini untuk menyempurnakan anugerah ini menunjukkan keprihatinan, rasa kasih, sikap kepedulian yang penuh ikhlas dan telus Yang Amat

Setia Dato' kepada semua penggerak perkhidmatan kebombaan di Negeri Perak iaitu Tuan – Tuan dan Puan – Puan sekalian. Diharapkan kehadiran Yang Amat Setia Dato' yang sudah pasti akan diiringi dengan kata – kata semangat nanti, akan terus menghasilkan lonjakan kesedaran, menyuntik semangat dan meniup iltizam dalam kalangan kita semua untuk terus menyuburkan perkhidmatan yang cemerlang memperkasakan institusi kebombaan seiring dengan wawasan pimpinan Jabatan dan Negara.

4. Untuk makluman Yang Amat Setia Dato' pada pagi ini kita akan meraikan **64 orang pegawai** yang akan menerima **Pingat Perkhidmatan Bomba, 96 orang pegawai** akan menerima **Anugerah**

Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2024, dan **23 orang** Pegawai Bomba Bantuan bagi **Sijil Perkhidmatan Terpuji PBB**. Bagi mengenang jasa dan peranan pegawai yang telah berkhidmat selama 30 tahun perkhidmatan, turut akan diberikan **Sijil Perkhidmatan 30 Tahun** kepada **7 orang pegawai** yang masih berkhidmat sehingga ke hari ini.

5. Majlis ini bukan sahaja sebagai satu bentuk penghargaan, malah merupakan manifestasi pengiktirafan Jabatan terhadap segala jasa, sumbangan, dan komitmen tinggi warga Bomba yang telah menunjukkan kecemerlangan serta dedikasi dalam melaksanakan tugas dengan penuh integriti dan amanah.

6. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua penerima anugerah pada hari ini. Sesungguhnya, anugerah dan pengiktirafan ini bukan sekadar simbol penghargaan semata-mata, tetapi juga sebagai pembakar semangat kepada kita semua untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara. Diharapkan Tuan/Puan akan menjadi *role model* terbaik kepada semua pegawai di seluruh JBPM Negeri Perak.

**Yang Amat Setia Dato', Tuan – Tuan Dan Puan – Puan
Yang Dimuliakan,**

7. Walau setinggi mana pun kita menggapai perubahan dan mencipta keberhasilan yang positif,

maka adalah yang penting bagi kita semua untuk terus memberi penekanan kepada "*character building*", iaitu melalui penambahan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran, amalan nilai - nilai murni serta ciri - ciri peribadi yang positif termasuk mengutamakan aspek integriti yang tinggi semasa melaksanakan perkhidmatan.

8. Dalam amanat ulung sebagai ketua pengarah, Yang Amat Setia Dato' telah meletakkan tiga (3) prinsip asas yang penting bagi mencapai kecemerlangan bersama. Suka untuk saya mengingatkan kembali ketiga-tiga prinsip tersebut agar kita tidak alpa dan lupa;

i) Pertama: (Fikir Besar, Bertindak Ikut Padan)

“Think Big, Act Small”

ii) Kedua: (Bekerja Lebih Dengan Kurang)

“Work More, With Less”; dan

iii) Ketiga: “(Bertindak Berpaksi Kejujuran dan Integriti) *“Act with Honesty and Integrity”*”

9. Semoga kita terus maju dengan penuh tekad dan iltizam bagi memperkasakan khidmat kebombaan dan penyelamatan yang unggul dan berkualiti kepada seluruh rakyat dan negara.

Yang Amat Setia Dato’, Tuan – Tuan dan Puan – Puan

10. Akhir kata pada kesempatan ini saya sekali lagi mewakili seluruh warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Setia Dato' yang tanpa jemu sentiasa memberi galakan kepada kami semua melalui teguran, nasihat dan rangsangan untuk kami melakukan perubahan bagi menuju ke satu titik positif iaitu pengekaln kecemerlangan berterusan. Kami semua juga sentiasa mendoakan kesejahteraan Yang Amat Setia Dato' dalam semua aspek untuk terus kekal menerajui organisasi yang sememangnya kami sayangi.

11. Kami berjanji akan terus mengekalkan semangat kerja berpasukan, meningkatkan kecekapan, serta menjunjung tinggi etika dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan kebombaian. *"Bak aur dengan tebing,*

umpama isi dengan kuku, serumpun bak serai, sesusun bak sirih”, kita eratkan sinergi sebagai pasukan wira merah bagi memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang berkualiti demi kesejahteraan masyarakat dan negara. Semoga segala usaha dan pengorbanan kita sentiasa mendapat keberkatan dan seterusnya menjadikan JBPM Negeri Perak sebagai agensi penyelamat yang unggul dan dihormati.

12. Kepada penerima anugerah saya ucapkan tahniah dan syabas. Tingkatkan usaha, gembelingkan tenaga secara bersama, perkukuhkan kekuatan dari dalam diri dan luaran masing - masing untuk terus mencipta perkhidmatan yang terbaik. Jangan kendurkan semangat dan bersikap negatif setelah

Tuan/Puan semua menerima anugerah pada hari ini sebaliknya teruskan momentum kecemerlangan Tuan/Puan secara berterusan.

13. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya zahirkan kepada semua pihak yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan **Majlis Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Bomba, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024, Sijil Perkhidmatan 30 Tahun dan Sijil Perkhidmatan Terpuji Pegawai Bomba Bantuan (PBB) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak** ini.

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.